



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) merupakan sebuah organisasi peneraju dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan. Individu-individu yang memiliki sifat-sifat keyakinan, integriti, inovatif dan kreatif, komited serta memiliki minda kelas pertama adalah dipelawa untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

**JAWATAN :**

**PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

**KELULUSAN AKADEMIK : IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN**

PROGRAM	BIDANG
<i>Advanced Manufacturing Engineering</i>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)</li><li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembuatan)</li><li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Perindustrian)</li></ol> <p><b>* Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja tiga (3) tahun dalam bidang sektor pembuatan / perkilangan.</b></p>
<i>Construction Technology</i>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian)</li><li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Pembinaan)</li><li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Alam Sekitar)</li><li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Struktur &amp; Bahan)</li><li>5. Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Bangunan)</li></ol> <p><b>* Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja tiga (3) tahun dalam bidang pembinaan.</b></p>

<p><i>Petroleum Technology</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum (Kepujian)</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kepujian)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) Kimpalan dan Pemeriksaan Kualiti</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) Penyaman Udara dan Penyejukbekuan Industri</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Kejuruteraan Kimpalan</li> </ol> <p><b>* Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja tiga (3) tahun di industri minyak dan gas serta loji penapisan.</b></p>
<p><i>Medical Instrumentation Technology</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Elektronik Perubatan)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (Kepujian)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Sains Perubatan (Kepujian) (Penjagaan Kesihatan Persekitaran)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Sains Makmal Klinikal (Kepujian)</li> </ol> <p><b>* Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja tiga (3) tahun dalam penyelenggaraan peralatan perubatan / perkakasan.</b></p>
<p><i>Material Processing Technology</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Rekabentuk Produk)</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) (Sistem Pembuatan)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (Kepujian)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Metalurgi)</li> </ol> <p><b>* Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja tiga (3) tahun dalam bidang pembuatan / pengeluaran produk, seramik, plastik dan komposit.</b></p>

## A: SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: P1)
- c) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- d) **Pemohon mestilah mempunyai kelayakan ijazah dalam bidang pengkhususan yang sesuai dengan jawatan yang dipohon.**
- e) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J29/J30/J35/J36/J37/J38 adalah layak dipertimbangkan untuk Kenaikan Pangkat ke Jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred J42, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila:-
  - i) Disahkan dalam perkhidmatan;
  - ii) Mempunyai kelayakan di perenggan A (ii); **atau**  
Lulus Peperiksaan Khas;
  - iii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - iv) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

## B. TARAF JAWATAN

Tetap / Kontrak.

### C. CARA MEMOHON :

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara **online** yang boleh dilayari melalui laman web MARA iaitu <http://www.mara.gov.my>
- ii) Tarikh permohonan dibuka bermula daripada **4 Mei 2012** hingga **17 Mei 2012**.
- iii) Calon-calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah melengkapkan borang elektronik di laman web MARA. Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan dan lain-lain dokumen, Kenyataan Perkhidmatan serta Laporan Prestasi Tahunan terkini dibawa bersama semasa temuduga.
- iv) Bagi kakitangan yang sedang berkhidmat dengan MARA, salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan dan lain-lain keterangan peribadi beserta **LAPORAN SULIT KHAS** yang dimeteri oleh Ketua Jabatan masing-masing hendaklah dibawa bersama semasa temuduga.

### D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### E. UMUR :

- i) Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan di tutup.
- ii) Pegawai sedang berkhidmat yang layak hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **F. CARA PELAKSANAAN:**

- i) Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan.
- ii) **Hanya calon-calon yang bersedia untuk ditempatkan di mana-mana Pusat Pentadbiran MARA di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak sahaja** akan dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan berkenaan.
- iii) **Pemohon-pemohon yang layak sahaja akan dihubungi untuk sesi pemilihan.** Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh iklan dikeluarkan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- iv) Pemohon yang mempunyai kelayakan Sijil / Diploma / Ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web **JPA** iaitu: **[www.interactive.jpa.my](http://www.interactive.jpa.my)** dan hendaklah mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa temuduga nanti.

**'Keusahawanan dan Pendidikan Global'**